



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PERASMIAN 22ND WORLD RENEWABLE ENERGY CONGRESS (WREC) OLEH YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DAN ACARA MENANDATANGANI DOKUMEN KERJASAMA PROJEK MOBILE HYDROGEN REFUELING STATION

KUALA LUMPUR, 18 Julai 2023 –YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang telah merasmikan World Renewable Energy Congress (WREC) XXII 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Isnin, 17 Julai 2023.

Kongres antarabangsa dengan tema “Transition Towards a Carbon-Free Future” ini yang berlangsung selama lima hari bermula 16 Julai 2023, mengumpulkan para saintis, para penggubal dasar, pemain industri khususnya Tenaga Boleh Baharu (TBB), pelajar dan wakil komuniti dari dalam dan luar negara. Kongres ini merupakan platform penting untuk penerokaan teknologi dan kerjasama, sesi sumbang-saran serta perkongsian inovasi baharu dan amalan terbaik dalam peralihan tenaga untuk mencapai sasaran penyahkarbonan.

YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam ucapan perasmian beliau telah mengutarakan kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat, termasuk keperluan peralihan tenaga bagi mencapai penyahkarbonan untuk pembangunan sosio-ekonomi yang lebih mampan dan mesra alam. Beliau telah memberikan contoh tren peningkatan kapasiti dan jumlah projek TBB diseluruh dunia walaupun terdapat ketidaktentuan ekonomi global dan risiko krisis tenaga. Ini termasuk peningkatan hampir 10% kapasiti TBB di seluruh dunia dan hampir 60% di Asia pada tahun 2022 seperti yang telah dilaporkan oleh International Renewable Energy Agency (IRENA). Tegas beliau, semua perkembangan positif ini dipacu oleh STI di peringkat global.

YB Menteri juga menyatakan MOSTI kekal komited untuk terus menerajui pembangunan STI di Malaysia demi kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat seperti yang telah direncanakan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (DSTIN) selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

WREC ke-22 ini merupakan kongres kali kedua berlangsung di Malaysia selaku tuan rumah selepas kali pertama diadakan pada tahun 1999. Bersempena dengan kongres antarabangsa ini juga, YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi serta tetamu kehormat yang lain telah menyaksikan acara menandatangani dokumen kerjasama projek ***Mobile Hydrogen Refueling Station*** antara NanoMalaysia Berhad (NMB), PETRONAS, UMW dan Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC). Stesen pengisian semula hidrogen ini adalah yang pertama seumpamanya untuk mobiliti hidrogen di Semenanjung Malaysia dan projek kerjasama ini disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pengisian kepada ***Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (Hydrogen Economy and Technology Roadmap - HETR)*** yang bakal dilancarkan kelak.

PETRONAS akan membekalkan serta menyediakan fasiliti pengisian hidrogen mudah alih, pengeluaran hidrogen hijau, serta pengendalian dan penyelenggaraan stesen tersebut. NMB pula akan mengguna pakai teknologi tempatan berasaskan nano yang dihasilkan dibawah program Hydrogen EcoNanoMy seperti Sistem Penyimpanan Kiosk Hidrogen dan reaktor hidrogen manakala Kumpulan UMW akan menyumbangkan Toyota Mirai untuk projek kerjasama ini. MGTC pula sebagai organisasi yang bertanggungjawab meneraju usaha mitigasi perubahan iklim, akan memfokuskan kepada pengenalan cadangan insentif hijau untuk menyokong kemajuan teknologi sel bahan api hidrogen dan ekosistem rantai bekalannya di Malaysia, selaras dengan sasaran HETR.

Projek ini akan menjadi contoh pendekatan kolaboratif di peringkat kebangsaan dalam menangani cabaran pengangkutan yang ketara iaitu pelepasan gas rumah hijau, jejak karbon, dan kemampuan. Ia menandakan permulaan perjalanan hidrogen sebagai sumber tenaga untuk pengangkutan, memacu penggunaan kenderaan sifar pelepasan serta penggunaan teknologi tempatan dalam pembangunan ekonomi dan ekosistem teknologi hidrogen negara, selain pembangunan bakat dan kepakaran.

#TAMAT#

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
18 JULAI 2023**